

06/04/1998

Pemilihan perwakilan Perak berjalan lancar

Dzulkefley Zanudin; Azmi Md Deros

IPOH, Ahad - Walaupun beberapa persidangan perwakilan Umno peringkat cawangan terutama di Teluk Intan agak kecoh, manakala beberapa persidangan bahagian diletakkan di bawah pengawasan Majlis Tertinggi (MT), pemilihan di Perak secara keseluruhannya berjalan lancar.

Keputusan muktamad pemilihan bahagian turut melenyapkan desas-desus kononnya sesetengah calon menggunakan khidmat bomoh Siam, bomoh Jawa dan bomoh Orang Asli untuk menang, terutama bagi menepis cabaran sengit kerana masing-masing mempunyai pe-ngaruh di peringkat akar umbi.

Menyimpulkan semua ini, terutama kejayaan 23 ketua bahagian dipilih semula, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib, berkata prestasi itu menjadi faktor besar yang boleh mewujudkan kestabilan dan kukuh dalam Umno seperti di-inginkan oleh Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menteri Besar yang turut mengekalkan jawatan Ketua Umno bahagian Pasir Salak bangga kerana semua ketua bahagian kekal walaupun ada sebahagiannya ditentang.

Sembilan ketua bahagian menerima tentangan iaitu Datuk Yahaya Shafie (Ipoh Timur), Datuk Azman Mahalan (Tapah), Che Onn Hamzah (Teluk Intan), Ahmad Husni Hanadzlah (Tambun), Datuk Hamdi Abu Bakar (Beruas), Talha Ismail (Chenderoh), Datuk Dr Abdul Malek Hanafiah (Taiping), Datuk Qamaruzzaman Ismail (Bagan Serai) dan Abdul Rahman Sulaiman (Parit Buntar).

Pertandingan di beberapa bahagian agak menarik perhatian terutama di bahagian 'panas' seperti Ipoh Timur, Tapah, Bagan Serai dan Teluk Intan yang boleh dianggap penguji populariti, terutama kemampuan calon memancing pengaruh di peringkat akar umbi.

Di Ipoh Timur misalnya, Yahaya atau lebih dikenali Tok Ya yang menang bagi penggal keenam dengan majoriti 31 undi, mengetepikan cabaran bekas Ketua Pemuda bahagian itu, Datuk Mohamed Al Amin Abdul Majid. Isteri Yahaya, Datin Azian Khalid turut memenangi jawatan Ketua Wanita Umno bahagian itu kali ini.

Di Teluk Intan, Che Onn mengekalkan jawatannya selepas menewaskan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Changkat Jong, Datuk Mohd Arshad Abdullah. Mohd Arshad yang cuba merebut kembali jawatan berkenaan selepas tewas kepada Che Onn dalam pemilihan 1996 hanya memperolehi 74 undi kali ini, berbanding Che Onn, 124 undi.

Berlainan pula di Larut, jawatan Naib Ketua Umno dimenangi selesa oleh penyandang, Datuk Mohd Zihin Mohd Hassan walaupun dicabar oleh lima calon. Beliau memperolehi 146 undi menewaskan pencabarnya yang sesetengahnya hanya mampu berpuas hati dengan tujuh undi dan paling dekat 47 undi.

Saingan agak sengit turut berlaku di Bagan Serai apabila pemenang bagi tiga jawatan teratas mencatat majoriti tipis. Ketua Umno hanya menang dengan majoriti 23 undi.

Bagaimanapun, bilangan ketua bahagian yang ditentang kali ini berkurangan daripada jangkaan awal selepas Ramli campur tangan dengan menasihatkan beberapa calon supaya membatalkan hasrat mencabar pemimpin sedia ada.

Campur tangan itu bukan bermakna beliau memberi isyarat menyebelahi kepimpinan sedia ada, sebaliknya menyampaikan arahan MT dan mengelak pertandingan sengit yang membawa perpecahan.

Mesyuarat cawangan dijalankan antara 12 Februari dan 15 Mac lalu diikuti

persidangan perwakilan (15-29 Mac) yang mana Perak antara negeri mempunyai bahagian dan ahli paling ramai iaitu lebih 1,400 cawangan dan 23 bahagian.

Yang pasti barisan ahli jawatankuasa Badan Perhubungan Umno Perak bagi penggal 1996-1999 tetap utuh termasuk Ramli; Timbalan Pengerusinya, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob (Pasir Salak); Setiausahanya, Datuk Mohd Zaim Abu Hasan (Parit); Bendahari, Datuk Mohd Wajdi Datuk Ishak (Lumut); Ketua Penerangan, Ramly Zahari (Kuala Kangsar) di samping Ketua Pemuda, Jamal Nasir Rasdi (Ketua Pemuda Umno bahagian Chenderoh) dan Ketua Wanita, Aion Khariyah Datuk Mohd Abas (Ketua Wanita Umno bahagian Pasir Salak).

Pergerakan Pemuda Umno pula turut merangsang beberapa bekas ketua Pemuda mencuba nasib menentang tiga jawatan teratas bahagian seperti di Ipoh Timur, Bukit Gantang, Parit Buntar, Bagan Datoh dan Kampar dengan hanya beberapa percubaan berjaya seperti oleh Mohd Salleh Mat Disa, bekas Ketua Pemuda Umno bahagian Parit Buntar yang menewaskan penyandang Naib Ketua Umno bahagian itu, Abdul Latif Mat Ali.

Beberapa muka baru turut memenangi jawatan ketua Pemuda Umno bahagian berikutan sembilan pemimpin bahagian melepaskan jawatan kerana faktor usia, kompromi, menang tanpa bertanding atau pertarungan sengit.

Perubahan tidak begitu ketara dalam pemilihan pucuk pimpinan Wanita negeri dengan 12 pemimpin pergerakan itu menang tanpa bertanding manakala tiga penyandang tewas berikutan ahli inginkan pemimpin baru di samping beberapa orang mengundur diri.

(END)